

SUMBANGAN PENULISAN KARYA DAKWAH SHEIKH ABDUL QADIR BIN HAJI WANGAH (AYAH DIR SEKAM) 1921-1991

[CONTRIBUTION IN WRITING THE WORK OF DAKWAH SHEIKH ABDUL QADIR BIN HAJI WANGAH (AYAH DIR SEKAM) 1921-1991]

MUHD SYAMIL FATHI CHE MUHD KAMIL^{1*} & ABDUL QAHHAR IBRAHIM¹

^{1*} Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Corespondent Email: abdulqahhar@unisza.edu.my

Received: 15 April 2021

Accepted: 15 May 2021

Published: 1 June 2021

Abstrak: Ulama' merupakan antara individu yang diangkat martabatnya oleh Allah S.W.T. bagi menunjukkan jalan hidayah kepada manusia dan ulama' juga diberikan kepandaian dan keistimewaan dari sudut pelbagai ilmu. Mereka dijadikan sebagai rujukan buat umat manusia tidak kira sama ada berkenaan masalah keduniaan maupun akhirat. Kajian ini memfokuskan keperibadian Sheikh Abdul Qadir bin Haji Wangah (Ayah Dir Sekam). Selain itu, kajian ini juga turut memaparkan tentang sumbangan beliau dalam berdakwah lebih-lebih lagi berkenaan dengan sumbangan penulisan karya beliau. Oleh itu, kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan sebagai sumber sekunder bersandarkan kepada rekod dan dokumen yang sedia ada. Selain itu, kaedah analisis dokumen seperti merujuk majalah rasmi, kitab dan journal juga turut digunakan dan kajian ini juga dikuatkan dengan kaedah temubual bagi memperolehi data yang tepat atau separa tepat. Hasil kajian menemukan bahawa Ayah Dir Sekam merupakan seorang ulama' yang banyak memberi sumbangan terhadap Islam khususnya dalam bidang usuluddin serta dalam karya penulisan beliau di Nusantara dan kebanyakan kitab beliau masih digunakan untuk kelas pengajian sama ada di masjid, pusat pengajian atau pondok sehingga hari ini.

Kata kunci: Sheikh Abdul Qadir bin Wangah, Dakwah, Penulisan Karya Dakwah.

Abstract: Ulama' are among the individuals appointed by Allah S.W.T. to show the path of guidance to human beings and scholars' are also given intelligence and privileges from the point of view of various knowledge. They are used as a reference for mankind regardless of whether it is about worldly problems or the hereafter. This study focuses on the personality of Sheikh Abdul Qadir bin Haji Wangah (Ayah Dir Sekam). In addition, this study also displays about his contribution in preaching, especially regarding writing. Therefore, this study is qualitative in nature by using the library method as a secondary source based on existing records and documents. In addition, document analysis methods such as referring to official magazines, books and journals are also used and this study is also strengthened with interview methods to obtain accurate or semi -accurate data. The study found that Ayah Dir Sekam is a scholar who contributed a lot to Islam, especially in the field of usuluddin and his writings in the archipelago and most of his books are still used for study classes either in mosques and huts to this day.

Keywords: Sheikh Abdul Qadir bin Wangah, Da'wah, Dakwah Writing

Cite This Article:

Muhd Syamil Fathi Che Muhd Kamil & Abdul Qahhar Ibrahim. 2021. Sumbangan penulisan karya dakwah Sheikh Abdul Qadir bin Haji Wangah (Ayah Dir Sekam) 1921-1991 [Contribution in writing the work of dakwah Sheikh Abdul Qadir bin Haji Wangah (Ayah Dir Sekam) 1921-1991]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 31-41.

PENGENALAN

Penulisan atau karya ilmu-ilmu agama telah bermula sejak dahulu lagi. Namun, penulisan yang pertama muncul dalam sejarah Islam ialah penulisan al-quran yang berbentuk mushaf. Setelah berlakunya perkembangan secara meluas dalam bidang penulisan al-quran maka telah lahir ulama' yang mujahadah bagi mengkaji al-quran serta hadith. maka terbit khazanah ilmu seperti ilmu tafsir, ilmu hadith, musthalah hadith serta ilmu usul fiqh. (Nor Raudah Hj. Siren, 2013: 15). Kemunculan penulisan karya dakwah dalam bentuk tulisan jawi sudah wujud sejak berabad dahulu lagi. Sejarah membuktikan bahawa tulisan-tulisan dakwah berbentuk jawi ini sudah digunakan pada zaman Kesultanan melayu Melaka, Majapahit, Riau, Patani dan Aceh. (Amrina Rasyada bt. Kamaruzzaman, Nik Md Saiful Azizi b. Nik Abdullah, 2014)

Manakala dakwah merupakan satu perkara yang penting bagi Rasul dan seluruh pengikut bagi mengeluarkan umat manusia dari kegelapan kepada cahaya iaitu tauhid kepada agama Allah S.W.T. iaitu Islam. (Mohammad Abu Bakar Abdul Rahman, 2010). Namun, selepas kewafatan Rasul tugas dakwah dan menyampaikan ilmu diteruskan pula oleh para sahabat, zaman tabi'in dan para alim ulama' sehingga ke hari ini. (Muhammad Alif Fitri b. Abdul Halim, 2016).

Kehadiran ulama' telah membuktikan bahawa cara hidup sesebuah masyarakat itu berubah baik dari rohani mahupun jasmani. (Saada Man, Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaluddin, 2012). Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh sebuah hadith Rasulullah S.A.W. bahawa ulama' itu merupakan pewaris nabi. Begitu juga di Nusantara, terdapat ramai ulama' yang memberikan sumbangan berkenaan dengan penulisan baik dari segi ilmu aqidah, fiqh, tasawuf dan lain-lain.

Antara tokoh ulama' yang masyhur dan berjaya mencetak namanya selaku ulama' usuluddin yang dikagumi di tanah jawi ini iaitu Sheikh Abdul Qadir Bin Haji Wangah (Ayah Dir Sekam). Ayah Dir Sekam merupakan seorang ulama' mutaakhirin yang prolifik dan aktif di dalam menulis kitab dan risalah. Dan sumbangan beliau dalam penulisan dakwah tidak dapat sangkal lagi kerana penulisan beliau sangat diiktiraf serta diguna pakai sehingga hari ini. Pengkaji mengfokuskan penulisan ini kepada Ayah Dir Sekam serta penulisan dakwah yang dikarang oleh beliau sendiri.

BIODATA SHEIKH ABDUL QADIR BIN HAJI WANGAH

Nama batang tubuhnya seperti yang tercatat di dalam kitab-kitab beliau ialah Haji Abdul Qadir bin Wangah bin Abdul Latif bin Uthman. Beliau juga turut dikenali dengan 'Haji Dir Sekam' oleh masyarakat. Namun, golongan muda masyarakat Patani lebih gemar memanggil beliau dengan panggilan 'Ayah Dir Sekam'. Menurut Tuan Guru Haji Ahmad Amanu (2019), beliau juga turut dipanggil dengan gelaran dipanggil 'Tok Ayah Dir' atau 'Dir' sahaja. Tambah Tuan Guru Haji Ahmad Amanu lagi, terdapat juga sebahagian masyarakat memanggil beliau dengan

panggilan ‘Abang Haji’ sahaja. Menurut (Ishak Ismail, 2020) pula, beliau juga turut dikenali atau dipanggil Baba (Tuan Guru) atau nama bersahajanya iaitu Ayah Dir. Selain itu, nama beliau juga kadang dipanjangkan pula dengan menyatakan alamat kediaman beliau iaitu Sheikh Abdul Qadir bin Haji Wangah bin Abdul Latif bin Uthman Syeikh al-Ma’ahad al-Islami, Wakaf Budi, Sekam, Mayor, Patani (Ahmad Fathy Al-Fatani, 2013: 265). Ayah Dir Sekam juga memiliki gelaran yang tersendiri iaitu ‘Harimau Patani’ kerana sifatnya yang garang (Syed Salim b. Syed Shamsuddin & Wan Mohd Fazrul Azdi b. Wan Razali & Mohamad Aizuddin b. Abdul Aziz & Mohd Faisal b. Mohamed, 2018). Ayah Dir Sekam merupakan seorang ulama’ yang ‘dalam’ (mendalami) atau alim pada ilmu aqidah.

Ayah Dir Sekam dilahirkan pada tahun 1340 Hijrah bersamaan 1920 Masihi.(Ahmad Fathy Al-Fatani, 2010: 20). Beliau lahir di Kampung Sekam yang berada dalam Kampung Mayor Cha Wat, Patani Bapa beliau iaitu Wangah bin Abdul Latif merupakan orang kampung biasa sahaja dan bukanlah seorang pendakwah ataupun tokoh agama, begitu juga dengan ibunya iaitu Hajah Mek Teh yang merupakan seorang suri rumah sama seperti masyarakat kampung Patani pada ketika itu (Ahmad Fathy Al-Fatani, 2013: 265). Antara salah seorang keluarganya yang berkecimpung dalam bidang agama ialah Haji Daud iaitu Imam Masjid Kampung Sekam, Palas (Ahmad Fathy Al-Fatani, 2010: 20).

Pendidikan beliau bermula selepas beliau berjaya mendapatkan pelajaran asas di kampung kelahiran beliau sendiri iaitu mempelajari Al-Quran dan membaca tulisan jawi (Ahmad Fathy Al-Fatani, 2013: 265). Setelah diteliti, pengkaji mendapati bahawa Ayah Dir Sekam bukan sahaja mengaji di Patani juga beliau juga dilihat turut merantau ke luar Patani antaranya Kelantan dan Mekah. Perjalanan beliau menuntut ilmu bermula pada umur 16 tahun, beliau telah memondok di sebuah pondok dikawasan Balor yang terletak tidak jauh dari kampung kediamannya dan gurunya pada ketika itu ialah Haji Ahmad bin Muhammad Darawi yang turut dikenali dengan panggilan Tok Balor (Syed Salim b. Syed Shamsuddin & Wan Mohd Fazrul Azdi b. Wan Razali & Mohamad Aizuddin b. Abdul Aziz & Mohd Faisal b. Mohamed, 2018).

Selepas tamat mengaji di Pondok Balor dalam masa 4 tahun, Ayah Dir Sekam berpindah dan mengaji pula di pondok Haji Ahmad Kubang Pasir, Binjai Lima (Ahmad Fathy Al-Fatani, 2009: 375) Namun, pengajian beliau di pondok tersebut tidak lama iaitu selama 2 tahun kerana kematian gurunya iaitu Haji Ahmad Kubang Pasir itu sendiri. (Ahmad Fathy Al-Fatani, 2010: 20). Selepas kematian gurunya, Ayah Dir Sekam mengambil keputusan untuk menyambung pelajarannya lagi ke salah sebuah pondok yang terkenal di Patani iaitu Pondok Pusan atau nama lainnya Pondok Perigi dan beliau telah berguru dengan Tuan Guru Haji Ahmad Bin Abdul Wahab Al-Fusani atau digelar ‘Tok Guru Tua’. Ayah Dir Sekam mengaji di Pondok Pusan selama 5 tahun dan berjaya mencetak nama selaku ‘budak bijak’ bersama seorang lagi sahabat beliau yang bernama Abdullah Jabi yang kemudiannya menjadi menantu kepada Tuan Guru Haji Ahmad

Ayah Dir Sekam meneruskan lagi pengajian kali ini di luar Patani iaitu Kota Bharu, Kelantan (Ahmad Fathy Al-Fatani, 2013: 266). Di Kelantan beliau telah berguru dengan seorang yang alim dan pakar dalam bidang fiqh mazhab Syafi’e iaitu Tuan Guru Haji Abdullah Thahir Bunut Payung (Ismail Che Daud, 2007: 48). Selama keberadaan beliau di Kelantan, Ayah Dir Sekam mengambil peluang untuk mengaji kepada guru-guru yang lain seperti Haji Muhammad Nur Penambang dan Haji Ali Salahuddin Pulau Pisang namun dengan cara

menghadiri halaqah atau pengajian di Masjid Muhammadi, Kota Bharu (Norainie Abu, 2014: 2). Ketika Ayah Dir Sekam menuntut ilmu di Kota Bharu, Kelantan, beliau telah mengahwini seorang gadis yang berasal dari Kampung Putih, Kota Bharu.

Setelah Ayah Dir Sekam menamatkan pengajiannya di Kota Bharu, Kelantan iaitu selama 2 tahun. Beliau mengambil keputusan untuk pulang semula ke Patani dan menceraikan isteri pertama tersebut. Beliau sekali lagi menemui jodohnya yang kedua dan berkahwin dengan Zainab binti Haji Abdullah Mayor (Syed Salim Bin Syed Shamsuddin & Wan Mohd Fazrul Azdi Bin Wan Razali & Mohamad Aizuddin Bin Abdul Aziz & Mohd Faisal Bin Mohamed, 2018). Ayah Zainab iaitu Haji Abdullah Mayor merupakan murid sekaligus menantu kepada seorang ulama' yang terkenal alim dalam bidang nahu dan fiqh iaitu Haji Idris bin Haji Abdul Karim atau dikenali dengan Pak Chu Yeh Tok Raja Haji (Ahmad Fathy Al-Fatani, 2013: 329). Selepas berkahwin, Ayah Dir Sekam mengorak langkah kepada pengajian yang lebih tinggi iaitu ke Mekah bersamaan pada tahun 1370 Hijrah, dan turut dibawa bersama beliau ialah isterinya yang kedua iaitu Zainab binti Haji Abdullah Mayor (Ahmad Fathy Al-Fatani, 2013: 266).

Ayah Dir Sekam menuntut ilmu di Mekah selama 5 tahun dan pada ketika ini Ayah Dir Sekam bertemu dan mengaji dengan Sheikh Wan Ismail Bin Abdul Qadir Al-Fatani atau sinonim dengan panggilan ‘Pak Da El’ iaitu pengarang kitab *Baqurah Al-Amani* yang terkenal dan juga merupakan seorang yang pakar dan alim dalam bidang usuluddin dengan lebih mendalam seperti ilmu falsafah dan mantiq. (Ahmad Fathy Al-Fatani, 2013: 197). Sepanjang keberadaan Ayah Dir Sekam di Mekah, beliau juga tidak melepaskan peluang untuk mengaji fiqh dengan Wak Din Besut atau nama lain Wak Din Taranqanuwi iaitu murid kesayangan Haji Muhamad Husin Bin Abdul Latif yang diberi gelaran ‘Tok Kelaba’ yang berkesempatan ke Mekah bagi menuntut ilmu dan mengajarkan ilmu kepada pelajar-pelajar Patani yang datang ke Mekah (Ahmad Fathy Al-Fatani, 2010: 21). Beliau lebih gemar mengaji dalam kelompok yang kecil dan bukannya mengaji secara beramai-ramai dalam halaqah yang besar (Abdul Mukti bin Baharuddin & Makiah Tussaripah binti Jamil, 2019).

Ayah Dir Sekam meninggal dunia pada usia 70 tahun pada hari khamis 26 September 1991 bersamaan 26 Rabiul Awal 1412 akibat menderita serangan angin ahmar.

KONSEP SERTA PENULISAN DAKWAH

Sheikh Akram Kassab menyebut bahawa perkataan *da'a* itu sendiri mempunyai makna yang banyak. *Nadahu* pula bermaksud memintanya atau erti kata lain *thalabahu*. *Da'ahu List-Asya'i* pula bererti *hatstsahu alaihi* yang memberi makna menganjurkannya dan *da'a ilallah* pula bererti *da'a ila ibadatihi* yakni mengajak kepada beribadat kepada Allah S.W.T. (Nor Amin Sayani Zainal, Mohd Ismail Mustari, 2012). Menurut Sheikh Ali Mahfuz perkataan dakwah berasal daripada bahasa Arab (دعى، يدعوا، دعوة) yang bererti menyeru, mengajak dan memanggil manusia kepada sesuatu tujuan (Ghazali Darusalam, 1996: 1). Dakwah dari segi bahasa juga bererti melakukan ikhtiar dan berusaha dari segi amal soleh atau perkataan bagi menyeru dan mengajak orang lain kepada agama (Ahmad Ghallusy, 1990: 3). Menurut Taufik Al-Wa'iy pula berpendapat bahawa dakwah dari segi bahasa juga mempunyai banyak maksud antaranya ialah *an-nasyr* yang bererti menyebarkan, *al-balagh* yang bermaksud menyampaikan, *al-iqna'* yang

bererti menyedarkan dan *ad-di'ayah* yang bermaksud propaganda (Nor Amin Sayani Zainal, Mohd Ismail Mustari, 2012).

Menurut Sheikh Ali Mahfuz dalam kitabnya yang berjudul *Hidayat al-Murshidin* menyatakan bahawa dakwah dari segi istilah merupakan perkembangan yang melibatkan mazhab dalam agama Islam, di samping dapat menghidupkan agama. Beliau juga turut berpendapat bahawa dakwah merupakan ijad al-Din yang bermaksud memperlengkapkan kepada agama. Hal ini dibuktikan bahawa dakwah dan agama tidak boleh dipisahkan kerana ia saling melengkapi antara satu sama lain. Antara fungsi lain bagi dakwah itu sendiri ialah dapat mempertahankan dan mengembangkan agama Islam itu sendiri.

Berdasarkan kepada kajian (Mohamad Nazli Omar, 2016), dakwah merupakan suatu proses untuk mengajak manusia kepada kebaikan dan menegah daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T. Dakwah juga boleh dikatakan sebagai usaha untuk berhajat manusia untuk melakukan suatu tujuan mengikut keadaan tertentu dan sesebuah tujuan itu perlu dilaksanakan agar tercapai makna dakwah tersebut.

Penulisan dakwah merupakan suatu medium yang digunakan bagi mengajak atau menyeru manusia ke arah kebaikan serta menyebarkan ilmu secara meluas. Dakwah penulisan ini dipanggil sebagai dakwah *bil kitabah*. Ulama' terdahulu dilihat sangat aktif dalam menulis kitab kerana ingin mempertahankan manusia daripada melakukan perkara yang ditegah tuhan disamping dakwah secara penulisan ini melibatkan keseluruhan sasaran dakwah yang menggunakan panca indera penglihatan. Antara kelebihan medium penulisan ini juga ialah dengan adanya medium seperti ini tidak membuatkan manusia terkial-kial dalam kegelisahan kerana perkara-perkara tersebut sudah dicatatkan di dalam kitab tersebut. (Drs.H.Nawawi Nurdin, 2012).

SUMBANGAN DAKWAH PENULISAN SHEIKH ABDUL QADIR BIN HAJI WANGAH

Ayah Dir Sekam merupakan antara salah seorang ulama' mutaakhirin yang banyak menghasilkan karya iaitu sebanyak 17 kitab berbanding dengan ulama'-ulama' yang hidup sezaman dengan beliau seperti guru beliau sendiri iaitu Sheikh Abdul Wahab Al-Fusani serta Sheikh Wan Ismail Al-Fatani (Pak Da El). Penulisan karya dakwah Ayah Dir Sekam mempunyai asbab yang tersendiri mengikut kepada isu yang timbul pada zamannya seperti isu mustahil qadim, isu penyembelihan dan tentang ayat mutasyabihat. Berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji, kebanyakan penulisan Ayah Dir ini lebih berbentuk kepada usuluddin namun terdapat juga perbahasan ilmu lain yang turut dikarang oleh beliau. Di dalam makalah ini pengkaji akan membahagikan penulisan Ayah Dir Sekam mengikut tema antaranya:

ILMU USULUDDIN

a. *Mabda' al-Fikrah Fil Maqulat al-Syarah*

Sebuah kitab yang membahaskan tentang ilmu mantiq iaitu salah satu cabang daripada aqidah (Norainie Abu, 2014:4). Kitab ini diterbitkan hasil daripada pengajian Ayah Dir Sekam sewaktu berada di Mekah dan pada waktu itu beliau berguru dengan ulama' usuluddin yang masyhur

iaitu Sheikh Wan Ismail bin Wan Abdul Qadir al-Fatani atau dikenali sebagai Pak Da El Patani (Ahmad Fathy Al-Fatani, 2013: 275).

b. *Asas al-I'tiqad li Dhu'afa al-Bilad*

Kitab yang mengandungi 24 halaman ini membahaskan tentang asas-asas aqidah yang perlu diketahui oleh orang awam merangkumi 41 perkara aqidah yang berkait dengan Allah S.W.T. dan 9 perkara aqidah yang berkait rapat dengan Rasul. Selesai dikarang oleh Ayah Dir Sekam pada 14 Syawal 1376 di Wakaf Budi. Sekam tanpa tarikh cetakan. Namun begitu, kitab ini mempunyai cetakan yang kedua iaitu pada 27 Safar 1377 di Matba'ah Patani Press.

c. *Mabhat al-Kalam fi Ilmi al-Kalam*

Sebuah kitab Ayah Dir Sekam yang membincangkan mengenai ilmu usuluddin. Tujuan Ayah Dir Sekam menganjurkan kitab ini untuk menerangkan tentang ilmu kalam. Kitab ini siap dikarang oleh Ayah Dir Sekam semasa keberadaan beliau di Mekah iaitu sebuah perkampungan yang diberi nama Kampung Misfaloh pada hari rabu 10 Jamadil Akhir 1374. Kitab ini juga dicetak dan digabungkan dengan kitab *Mabda' al-Fikrah fil Maqulat al-'Asyarah* bermula pada muka surat satu sehingga muka 24.

d. *Risalah Manhaj Ahli al-Sunnah*

Sebuah kitab yang membincangkan mengenai isu yang melanda di Patani pada tahun 1980 iaitu berkaitan dengan tafsiran beberapa ayat mutasyabihat dalam ayat al-Quran dan sifat-sifat Allah. Kitab ini selesai ditulis oleh Ayah Dir Sekam pada hari Khamis 11 Jamadil Awal 1405 bersamaan 1 Februari 1985 bertempat di madrasahnya iaitu al-Ma'had al-Islami, Wakaf Budi, Sekam. Kitab ini mengandungi 47 halaman tanpa tarikh.

e. *Wasa'il Ilm Kalam Ra'fat Wa Rahmat li al-Awwam*

Sebuah risalah yang kecil iaitu sebanyak 23 muka surat yang selesai ditulis selasa pagi pada 22 Syawal 1392 bersamaan 27 November 1972. Kitab ini dicetak oleh Muslim Press di Patani tanpa menyatakan tarikh cetakan. Tujuan Ayah Dir Sekam menganjurkan kitab ini ialah bagi membincarkan tentang istilah yang digunakan oleh ulama' usuluddin dan hukum aqal (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013: 281).

ILMU BERKENAAN HUKUM AKAL

a. *Tashil Al-Dhu'afa wa Rad Ba'dh Aqwal al-Sufaha*

Sebuah kitab Ayah Dir Sekam yang membincarkan tentang pegangan atau iktiqad bagi pemulaan untuk pembelajaran ilmu usuluddin bagi golongan yang mula mahu belajar tentang agama. Kitab ini juga membincarkan tentang rukun iman dan Islam. Tambahan lagi, kitab ini juga turut membincangkan tentang hukum aqal dan hukum adat. Seterusnya, kitab ini juga

membicarakan tentang jalan yang batil dan perkara karut dalam isu mustahil qadim. Kitab ini selesai ditulis oleh Ayah Dir Sekam pada akhir Rejab pada tahun 1385 hijrah bersamaan November 1965. dan mengandungi 35 halaman. (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013: 278).

b. *Tabyinu Kazb al-Muftari fi ma Yata'allaqu Bi al-Bari*

Kitab ini siap dikarang pada 26 April 1968 bersamaan pada akhir Muharram 1388 Hijriah. Tujuan penulisan kitab ini dilakukan oleh Ayah Dir Sekam ialah bagi menjawab kitab Sheikh Wan Ali Al-Jambui yang berjudul *Matahari Pencerahan Pada menghapuskan Keji Tuduhan* yang membuat I'tiradh atas tiga buah kitabnya yang berjudul *Taqrib al-Ikhwan Fi Ta'lim Aqa'id al-Iman, Asas al-I'tiqad li Dhu'afa al-Bilad* dan *Tashil Al-Dhua'fa Wa Rad Ba'dh Aqwal al-Sufaha*. (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013: 279).

ILMU BERKENAAN FIQH

a. *Cermin Suluhan Pada Menyatakan Hukum Sembelihan*

Kitab ini selesai ditulis oleh Ayah Dir Sekam pada 8 Syawal 1377 bersamaan 26 April 1958 sebelum asar di Kampung Wakaf Budi, Sekam, Patani. Kitab ini membicarakan tentang fiqh yang melibatkan penyembelihan. (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013: 277). Dalam cetakan terbaru kitab ini digabungkan sekali dengan kitab *Asas al-I'tiqad li Dhu'afa al-Bilad*.

b. *Risalatun Niat*

Berdasarkan temubual bersama (Tuan Guru Haji Ahmad Amanu, 2020), beliau mengatakan bahawa Ayah Dir Sekam juga mengeluarkan sebuah kitab karya yang lain yang berjudul *Risalatun Niat*). Dalam risalah ini topik yang dibahaskan oleh Ayah Dir Sekam lebih kepada muqaranah cara sembahyang yang merangkumi *muqaranah kamaliyyat, muqarannah urfiyyat* dan *muqarannah ta'ziyyah* (Tuan Guru Haji Ahmad Amanu, 2020).

ILMU BERKENAAN TASAWWUF ATAU NASIHAT

a. *Tazkiratu li Zawi al-Afkari fima Yamurru al-Insan min al-A'mar*

Kitab Tazkiratu li Zawi al-Afkari fima Yamurru al-Insan min al-A'mar merupakan sebuah kitab Ayah Dir Sekam yang membicarakan tentang tahap-tahap yang dilalui oleh manusia bermula dari sejarah permulaan kelahiran Nabi Adam A.S. sehingga khatimah kehidupan seseorang yang berakhir sama ada di syurga mahupun neraka. Kitab ini mempunyai sebanyak 33 halaman. Beliau serlesai menulis kitab ini pada 28 Jun 1969 bersamaan 14 Rabiul Akhir (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013: 281).

b. *Ta’lim al-Aulad Fi Zikri Ba’dhi Aqwal al-‘Ibad.*

Sebuah kitab Ayah Dir Sekam yang membincangkan tentang iktibar dan menyekat nafsu daripada perkara yang melalaikan kepada amal ibadat. Seterusnya, tujuan Ayah Dir Sekam mengarang kitab ini ialah bagi menyeru kepada manusia agar membuat persediaan untuk menghadapi alam kubur atau alam barzakh, tentang mahsyar, hari kiamat, timbangan al-Mizan dan penentuan bagi seseorang manusia sama ada berada di syurga atau neraka. Kitab ini selesai ditulis pada 3 Muharram 1387 bersamaan 11 April 1967 pagi khamis. Kitab ini dicetak di Percetakan Muslim Press, Patani tanpa menyatakan tarikh dan kitab ini mengandungi sebanyak 26 halaman (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013: 279).

c. *Tanbihul Awwamil*

Tanbihul Awwamil merupakan sebuah kitab yang menyentuh berkenaan dengan cara nasihat Ayah Dir Sekam terhadap orang awam. Di dalam risalah ini beliau dilihat agak berkeras kepada orang yang bergaduh dan mencerca antara satu sama lain lebih-lebih lagi melibatkan kaum muslimin. Ayah Dir Sekam juga berpesan agar tidak banyak berkata buruk kepada orang lain sambil menggunakan ayat sindiran dan ayat tersebut memiliki makna yang mendalam seperti ‘Kalau merendam ulam itu baik tapi kalau merendam orang itu tidak bagus’ (Tuan Guru Haji Ahmad Amanu, 2020).

KARYA DAKWAH PELBAGAI MAUDHU’

a) *Irsyad al-Jawiyyin ila Sabil al-‘Ulama al-Amilin*

Irsyad al-Jawiyyin Ila Sabil al-‘Ulama al-Amilin selesai ditulis oleh Ayah Dir Sekam pada 18 Zulkaedah 1409 bersamaan 21 Jun 1989 Masihi. Kitab ini mengandungi sebanyak 32 halaman. Walaupun Ayah Dir Sekam merupakan seorang ulama’ yang terkenal dalam bidang usuluddin. Namun dalam penulisan ini, Ayah Dir Sekam nampak lebih mempelbagaikan ilmunya. Tujuan penulisan ini dilakukan oleh Ayah Dir Sekam ialah bagi memberi peringatan kepada anak-anak cucu atau golongan yang muda untuk memperbanyak menuntut ilmu lebih-lebih lagi berkenaan ilmu usuluddin, kelebihan ilmu usuluddin juga turut dikupas di dalam kitab ini. Selain itu, permasalahan maulid, permasalahan dalam *tawassul* dan *tabarruk*, pemahaman ulama’ berkenaan ayat *Mutasyabihat*, permasalahan *ta’wil* beserta penerangan berkaitan *Musyabbihah* dan *Mujassimah*. Tambahan lagi, dalam karya ini juga Ayah Dir Sekam memberi peringatan kepada umat supaya tidak terkeliru dan berhati-hati dengan pemikiran dan ajaran yang dibawa oleh Muhammad bin Abdul Wahhab.

MANHAJ PENULISAN KARYA AYAH DIR SEKAM

Penulisan ulama’ dijadikan sebagai alat rujukan bagi seluruh umat Islam. Namun begitu, manhaj mahupun kaedah penulisan yang digunakan juga memainkan peranan penting bagi menarik minat audiens agar dapat menambah ilmu dengan lebih efisyen. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Syed Abdurrahman bin Haji Syed Hussin menyatakan bahawa

setiap manhaj itu perlu memiliki kepada perancangan serta diikuti dengan ketelitian dan penyelidikan yang tepat dan mendalam agar manhaj atau kaedah tersebut sampai kepada sasaran dakwah yang ingin dituju (Syed Abdurahman bin Haji Syed Hussin, 2012).

Karya penulisan Ayah Dir Sekam memiliki manhaj dan kaedah yang tersendiri berdasarkan hasil temubual yang dijalankan oleh pengkaji terhadap anak murid lama Ayah Dir Sekam iaitu Tuan Guru Haji Ahmad Amanu pada 7 Mac 2020 di Masjid Wakaf Bharu, Kelantan. Antara kaedah yang digunakan oleh Ayah Dir Sekam dalam menghasilkan karya yang bermutu tinggi ialah teknik yang digunakan dalam mengarang diselitkan dengan selingan lawak yang tidak begitu banyak bagi menarik minat masyarakat.

Selain itu, kaedah penulisan beliau juga turut diselitkan syair-syair melayu serta kata-kata nasihat. Tambahan lagi, cara penulisan yang digunakan untuk kata ganti diri ialah perhamba menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang yang bersifat merendah diri. Dikatakan oleh (Tuan Guru Haji Ahmad Amanu, 2020), beliau sekali-kali tidak akan menggunakan perkataan ‘aku’ bagi kata ganti diri dalam kitab beliau, hal ini sudah membuktikan bahawa beliau merupakan seorang yang zuhud dan menggunakan laras bahasa yang bagus di dalam penulisan.

KEISTIMEWAAN KARYA AYAH DIR SEKAM

Setiap ulama' memiliki kepandaian dalam ilmu yang tersendiri berdasarkan kepada ilmu yang dimiliki, namun apa yang ingin dibincangkan pada topik ini ialah berkenaan dengan keistimewaan yang terdapat pada kitab Ayah Dir Sekam. Seperti mana yang telah dibincangkan sebelum ini Ayah Dir Sekam merupakan seorang ulama' mutaakhirin yang bergiat aktif di dalam menulis kitab mahupun risalah, walaupun risalah beliau tidak begitu tebal namun penulisannya memiliki keistimewaan yang tersendiri.

Hasil temubual pengkaji bersama Tuan Guru Haji Ahmad Amanu atau turut dikenali dengan nama Baba Mad Tasek pada 7 Mac 2020 mendapati bahawa terdapat banyak keistimewaan yang terdapat pada kitab atau risalah yang dikarang oleh Ayah Dir Sekam antaranya penulisan yang dikarang oleh beliau merupakan penulisan yang unik serta mempunyai laras bahasa yang tinggi sehingga terdapat juga segelintir masyarakat terpaksa bertanya kerana *lughah-lughah* (bahasa) yang digunakan oleh beliau itu terlalu tinggi. Selain itu, jika pertama kali dibaca naskah beliau sudah tentu tidak akan difahami apa yang cuba disampaikan oleh beliau hal ini membuktikan bahawa karya Ayah Dir Sekam memiliki bahasa dan ilmu yang sangat dalam. Menurut Tuan Guru Haji Ahmad Amanu lagi hanya orang yang setaraf dengan beliau sahaja yang mampu membaca penulisan karangan beliau.

Antara keistimewaan dan kehebatan karya Ayah Dir Sekam lagi ialah penulisan beliau sangat mudah untuk difahami oleh masyarakat namun perlu mengikuti pengajian yang dilakukan oleh beliau kerana apa yang disampaikan oleh Ayah Dir Sekam sangat mudah diertikan oleh masyarakat. Selain itu, penulisan beliau juga tidak berkehendak kepada suruhan yang banyak kerana cara penulisan Ayah Dir Sekam ini kebanyakannya beliau akan ambil ibarat atau istilah dari Arab dan menterjemahkan ke dalam tulisan jawi dengan menggunakan Bahasa Melayu Patani bagi meringkaskan dan memudahkan untuk orang awam memahami sesuatu ilmu. Tambahan lagi, kitab beliau juga dikatakan sangat istimewa kerana Ayah Dir Sekam

menggunakan bahasa percakapan harian di dalam kitab beliau sehingga masyarakat tertarik untuk membaca kitab beliau pada masa itu (Tuan Guru Haji Ahmad Amanu, 2020).

KESIMPULAN

Demikian merupakan kajian ringkas berkenaan dengan sumbangan Ayah Dir Sekam khususnya dalam bidang penulisan karya dakwah. Setiap ulama' memiliki kriteria dan kelebihan sendiri seperti Ayah Dir Sekam sendiri beliau dikenali dengan ulama' usuluddin yang unggul serta mampu menyumbangkan hasil karya dakwah yang banyak kepada umat Islam secara amnya. Penulisan dakwah tidak semestinya terhad kepada mengajak manusia kepada amar ma'ruf sahaja malah skop dakwah itu sendiri sangat meluas. Maka terbukti bahawa Ayah Dir Sekam merupakan seorang ulama' *mutaakhirin* yang bergiat aktif dalam menulis walaupun sudah berada di penghujung usia namun semangat yang ditunjukan oleh beliau perlu dicontohi oleh penuntut-penuntut ilmu pada masa kini. Berdasarkan penulisan yang tercatat di dalam buku beliau seperti Ahmad Fathy al-Fathani, Ayah Dir Sekam lebih banyak menulis karya atau kitab berbanding gurunya sendiri iaitu Tuan Guru Haji Abdul Wahhab Al-Fusani dan Sheikh Wan Ismail atau dipanggil Pak Da Eil Patani. Walaupun kepakaran beliau dalam usuluddin tidak dapat disangkal namun beliau juga turut menghasilkan karya-karya dalam bidang lain seperti ilmu fiqh, tasawwuf, nasihat serta pelbagai *maudhu'* contoh kitab *Irsyad al-Jawiyyin ila Sabil al-'Ulama al-Amilin*.

RUJUKAN

- Abdul Mukti Baharudin & Makiah Tussaripah Jamil. 2019. Sumbangan Haji Abdul Kadir Bin Wangah Dalam Mempertahankan Akidah Ahli Sunnah Waljamaah: Kajian Terhadap Kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah. Kertas kerja yang dibentangkan *Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama' Melayu Nusantara* 2019 kali ke-3 bertempat di Hotel Grand Blue Wave Shah Alam, Selangor pada tahun 2019, Oktober 22.
- Ahmad Amanu. 2020. Sumbangan Dakwah Penulisan Sheikh Abdul Qadir bin Wangah (Ayah Dir Sekam) 1921-1991, Wakaf Bharu, Kelantan [Interview]. Mac 7
- Ahmad Fathy al-Fathani. 2010. *Pengasuh Majalah Bulanan Dakwah Dan Mudharatul Islamiyyah*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, , bil. 619.
- Ahmad Fathy Al-Fathani. 2014. *Ulama' Besar Dari Patani*. Edisi Jawi. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan..
- Ahmad Fathy Al-Fathani. 2009. *Ulama' Besar Dari Patani*. Edisi Pertama Jawi. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan..
- Ahmad Fathy Al-Fathani, *Ulama' Besar Dari Patani*. Edisi Rumi. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. 2013.
- Amrina Rasyada bt. Kamaruzaman, Nik Md Saiful b. Nik Jaafar. *Penulisan Jawi Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah Di Peringkat Menengah: Isu Dam Cabaran*. Dalam Jurnal Kias Bil. XIV/Vol.14 2014, Nilam Puri: Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

- Drs. H. Nawawi Nurdin. *Dakwah Melalui Medium Tulisan*. 2012, Sumatera Selatan: Kementerian Agama Kantor Wilayah (Kanwil Kemenag Sumsel)
- Ghazali Darusalam. *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*, Cheras: Utusan Publications & Distributors, 1996.
- Haji Abdul Qadir Bin Haji Wangah Bin Abdul Latif Bin Uthman, trj. Ustazah Norainie Abu, *Risalah Irsyad Al-Jawiyin Ila Sabil Al-Ulama' Al-Amilin*, Batu Caves: Al-Hidayah House Of Publishers Sdn Bhd, 2014.
- Ishak bin Ismail. (2020, Ogos 10). Sumbangan Dakwah Penulisan Sheikh Abdul Qadir bin Wangah (Ayah Dir Sekam) 1921-1991, Marang, Terengganu [Interview].
- Ismail Che Daud, Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung (2). Kota Bharu: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. 2007.
- Mohamad Abu Bakar Abdul Rahman. 2010. *Metodologi Dakwah Rasulullah S.A.W. Di Peringkat Permulaan Di Mekah: Aplikasinya Di Singapura*. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohamad Nazli Omar. 2016. *Teori Dan Konsep Pengurusan Dakwah: Satu Tinjauan Awal* dalam jurnal Ilmi Jilid 6. Kuala Sungai Baru: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Mohamad Nazli Omar. 2016. *Teori Dan Konsep Pengurusan Dakwah: Satu Tinjauan Awal* dalam jurnal Ilmi Jilid 6. Kuala Sungai Baru: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Muhammad Alif Fitri Bin Abdul Halim. *Kebangkitan Ilmu Pengetahuan Era Madinah: Detik Awal Kemunculan Tamadunan Islam*. Kertas kerja yang dibentangkan pada program Seminar Penghayatan Fiqh Sirah III/2016: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nor Amin Sayani Zainal, Mohd Ismail Mustari. *Penerapan Metode Dakwah Di Dalam Melaksanakan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Dalam Bilik Dan Luar Bilik Darjah*. Kertas kerja yang dibentangkan pada Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012) 2012: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Raudah Hj. Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2013.
- Saada Man, Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaluddin. *Sumbangan Ulama' Melayu Klasik Dalam Menjana Budaya Ilmu Di Alam Melayu*.
- Syed Abdurahman bin Haji Syed Hussin. *Manhaj: Pengertian Dan Kepentingannya Kepada Dakwah* dalam Jurnal Usuluddin Vol.7 (1998). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Syed Salim Syed Shamsuddin, Mohamad Aizuddin Bin Abdul Aziz, Mohd Faisal Bin Mohamed. *Laysa Kamithlihi Shay'un: The Interpretation Of Mutashabihat Verses And Traditions By Abd Al-Qadir Wangah In Risalah Manhaj Ahl Al-Sunnah*. Dalam Jurnal Afkar Special Issue Bil.1/2020 Kuala Lumpur: Universiti Malaya.